

Menara Kuala Lumpur Menerima Anugerah "The BrandLaureate Country Branding Awards 2010-2011"



Menara Kuala Lumpur meneruskan sejarah kecemerlangannya apabila dianugerahkan "The BrandLaureate Country Branding Awards 2010-2011" dalam majlis penyampaian di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur pada 23 Mac 2011.

Anugerah tahunan ini dianjurkan oleh The Asia Pacific Brands Foundation yang mengiktiraf syarikat-syarikat yang telah berjaya membina jenama mereka dan memberi sumbangan signifikan terhadap dunia dan masyarakat luas.

"Alhamdulillah, ini adalah merupakan anugerah pertama kami buat tahun ini dan kami berbangga dengan kejayaan yang diperolehi. Anugerah ini adalah hasil daripada kerja keras semua warga kerja Menara Kuala Lumpur," kata Zuraidah Mohd Said, Ketua Pegawai Eksekutif, Menara Kuala Lumpur.